

DBKL buka kertas siasatan punca banjir kilat

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan buka kertas siasatan terhadap projek pembangunan sekitar yang didakwa menjadi punca utama berlakunya banjir kilat di Lebuhraya Persekutuan di sini, kelmarin.

Lebuhraya itu dari arah Kuala Lumpur menuju Shah Alam, sesak teruk lebih lima kilometer setelah tiga daripada empat lorong ditenggelami air bermula jam 3 petang selepas hujan lebat selama dua jam.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Mhd Amin Nordin Abd Aziz berkata, berdasarkan pemerhatian, dipercayai punca banjir kilat itu berikutan longkang tersumbat akibat kerja-kerja di tapak projek berdekatan.

"Sekiranya benar projek pembangunan



MHD AMIN NORDIN

di kawasan itu menyebabkan banjir kilat, kita akan keluarkan notis *stop work order* kepada pemaju sehingga mereka bina *Temporary Detention Pond* dan *Cut Off Drain*," katanya.

Antara kawasan terjejas teruk termasuk Pantai Dalam, Bangsar Selatan dan sekitar.

Pihaknya juga telah meninjau kawasan terjejas bersama pemaju dan mengenal pasti langkah kawalan lanjut di kawasan berkenaan, antaranya

menaik taraf kapasiti perangkap kelodak longkang dan baiki efisiensi parameter longkang.

Menurutnya, DBKL juga komited membina beberapa kolam takungan banjir.

"Projek ini dijangka mula 2018 di lokasi tumpuan termasuk di Jalan Duta dan kawasan Universiti Malaya," katanya. - *Bernama*